

Sistem Bahasa (Kertas 1)

Bahagian A

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai. **ARABIK**



- 1 Imani merupakan _____ jurusan Pendidikan Bahasa Melayu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
A pramugari
B pramugara
C mahasiswi
D mahasiswa
- 2 Kempen _____ yang dijalankan oleh pihak sekolah mendapat sambutan yang baik oleh warga sekolah.
A antivirus
B antibodi
C antibiotik
D antidadah
- 3 Kejohanan sukan _____ itu akan dianjurkan oleh Filipina pada bulan September nanti.
A dwifungsi
B dwimusim
C dwibahasa
D dwitahunan
- 4 _____ buku itu mengulas sedikit pandangan penulis tentang hala tuju Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di Malaysia.
A Prakata
B Prabayar
C Prasyarat
D Pratonton
- 5 Qhaleef diisytiharkan sebagai _____ negeri Johor dalam Kejohanan Olahraga peringkat negeri baru-baru ini.
A sasterawan
B negarawan
C olahragawan
D olahragawati
- 6 Semua peserta lawatan ke Taman Sains Johor itu diingatkan supaya menjaga _____ sepanjang sesi lawatan itu berlangsung.
A tatacara
B tatakkerja
C tatatertib
D tatarakyat
- 7 Setiap hari, Cikgu Saleha memberikan latihan _____ untuk murid-murid yang akan menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia.
A inisiatif
B intensif
C insentif
D inovatif
- 8 Penyanyi muda itu layak menjadi _____ remaja kerana personalitinya yang baik sesuai menjadi suri teladan kepada remaja.
A ikon
B model
C isyarat
D simbol
- 9 Malas ialah punca utama yang bakal melenyapkan _____ seseorang sebelum bermula.
A visi
B azam
C impian
D cita-cita